

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pemantauan dan pelan tindakan berdasarkan pematuhan SOP kepada pematuhan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 bagi Lembah Silika di Dungun, Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar tidak pernah menerima permohonan bagi cadangan pembangunan Lembah Silika di Dungun. Walau bagaimanapun, terdapat permohonan 2 projek EIA yang akan dijalankan di kawasan berkenaan (Marang dan Dungun) iaitu;

- i. Cadangan projek perlombongan silika yang akan dijalankan oleh Terengganu Silika (Marang) Sdn. Bhd - Laporan EIA telah diluluskan pada 23 Januari 2019.
- ii. Cadangan projek solar yang akan dijalankan oleh Coara Marang Sdn. Bhd – Laporan EIA sedang diproses oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu.

2. Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan penguatkuasaan khusus terhadap pematuhan syarat-syarat kelulusan EIA bagi projek-projek tersebut sebaik sahaja kerja-kerja awalan dimulakan. Pematuhan umum kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan turut dipantau. Sekian. Terima kasih.